



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**PELAKSANAAN DAN PENDEDAHAN TEKNIK ASAS
LAKON DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN 2,
SMK MUHIBBAH @ SEKOLAH SENI MALAYSIA PERAK
(SSeMPk)**

Muhammad ShahrulReza Bin Roslan

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian
(Drama dan Teater)**

2019

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: A

Please tick (✓)
Final Year Project Report ✓
Masters
PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the 22 day of May 2019.

Student's Declaration:

I MUHAMMAD SHAHRULREZA BIN ROSLAN, 56853, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE ARTS

(PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare that the work entitled PELAKSANAAN DAN PENDEDAHAN TEKNIK ASAS LAKON DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN 2, SMK MUHIBBAH @ SEKOLAH SENI MALAYSIA PERAK (SsEmpK) is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

22 MAY 2019
Date submitted

MUHAMMAD SHAHRULREZA BIN ROSLAN(56853)
Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

I DR AHMAD KAMAL BASYAH BIN SALLEHUDDIN (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that the work entitled(TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/full fulfillment for the conferment of BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (DRAMA AND THEATRE) (PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: DR AHMAD KAMAL BASYAH BIN SALLEHUDDIN
Date: 22/05/19 (Name of the supervisor)

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL**(Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
 RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
 OPEN ACCESS

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature


(2019)

Supervisor signature:


(2019)

Current Address:

87, Persiaran Jelapang 17, Taman Silibin 30100, Ipoh, Perak

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

**PELAKSANAAN DAN PENDEDAHAN TEKNIK ASAS LAKON
DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN 2, SMK MUHIBBAH
@ SEKOLAH SENI MALAYSIA PERAK (SSeMPk)**

MUHAMMAD SHAHRULREZA BIN ROSLAN

Kajian ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian
(Program Drama & Teater)

Fakulti Seni Gunaan & Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2019

PENGAKUAN

Projek bertajuk '**Pelaksanaan dan Pendedahan Teknik Asas Lakon Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 2, SMK Muhibbah @ Sekolah Seni Malaysia Perak (SSeMPk)** telah disediakan oleh **Muhammad ShahrulReza Bin Roslan** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan & Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian (**Drama & Teater**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Dr Ahmad Kamal Basyah Bin Sallehuddin)

Tarikh

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
Penghargaan	i
Isi Kandungan	ii
Abstrak	iii
<i>Abstract</i>	iv
Senarai Rajah	v

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Skop Kajian	3
1.4	Pernyataan Masalah	8
1.5	Persoalan Kajian	10
1.6	Objektif Kajian	10
1.7	Kepentingan Kajian	11
1.8	Kesimpulan	13

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	14
2.2	Kemunculan dan Pengaruh Teater Dunia Stanislavski	15
2.3	Pengaruh Tokoh Konstantin Stanislavski	17
2.4	Keberkesanan Aktiviti Lakonan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	18
2.5	Keberkesanan Teknik Simulasi Lakonan Murid Tahun 5	21
2.6	Kajian Rintis Kaedah Lakonan Stanislavski	24
2.7	Drama Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu	26

PENGHARGAAN

Assalammualaikum dan Salam Sejahtera. Saya berasa amat bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan innayahnya dapat menyiapkan tugas penulisan ilmiah ini dengan jayanya. Saya ingin mengambil ruang dan kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli keluarga yang turut memberikan sokongan moral sepanjang bergelar penuntut di Universiti Malaysia Sarawak terutamanya Encik Roslan Bin Ismail yang membantu dari sudut kewangan.

Saya juga ingin menyatakan apresiasi dengan setulus hati untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada penyelia projek tahun akhir iaitu, Dr Ahmad Kamal Basyah Bin Sallehuddin di atas bantuan dan tunjuk ajar dari segi struktur penulisan akademik yang berkesan. Sesungguhnya segala teguran dan nasihat daripada beliau dapat membantu saya mengukuhkan pemahaman tentang pengaplikasian teori semasa menjalankan kajian ilmiah di Sekolah Seni Malaysia Perak. Penghargaan yang penuh takzim juga kepada pensyarah program Drama dan Teater kerana sudi mencurahkan ilmu pengetahuan tanpa mengenal erti penat dan jemu. Akhir sekali, saya amat menghargai kerjasama yang dihulurkan oleh rakan-rakan seperjuangan kerana membantu saya berkongsi idea, pendapat dan pengalaman agar aktiviti lakonan dapat dijalankan dengan pelbagai kaedah dan pendekatan yang menarik.

2.8	Teknik Permainan Bahasa dan Main Peranan Dalam Kalangan Orang Asli	29
2.9	Teknik Didik Hibur Dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu	30
2.10	Kajian Kes Aktivis Drama Dalam Institusi Seni	33
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pendahuluan	40
3.2	Kerangka Teori <i>The Stanislavski System</i>	41
3.3	Aspek <i>The Method of Physical Action</i> (1934-1938)	43
3.4	Aspek <i>Emotional Memory</i> (1911-1916)	49
3.5	Reka Bentuk Kajian	50
3.5.1	Pengumpulan Data Primer	51
3.5.2	Pengumpulan Data Sekunder	52
3.6	Kesimpulan	53
BAB 4	ANALISIS	
4.1	Pendahuluan	54
4.2	Pengenalan Teknik Asas Lakon <i>The Stanislavski System</i>	55
4.2.1	Latihan Lakonan Pelbagai Watak	55
4.3	Pengaplikasian Elemen Asas Lakon: Stamina Pelakon	66
4.3.1	Pengenalan Aktiviti Pelaziman Olah Tubuh	66
4.3.2	Olah Tubuh Rangkak	67
4.3.3	Aktiviti Senaman dan Yoga	69
4.3.4	Latihan Vokal dan Pernafasan	76
4.4	Pengaplikasian Elemen Asas Lakon: Bloking Dalam Lakonan	80
4.4.1	Mencipta Hubungan Pelakon dan Ruang	80
4.4.2	Mencipta Hubungan Pelakon dan Kondisi	84
4.4.3	Mencipta Hubungan Pelakon dan Posisi	89
4.4.4	Mencipta Hubungan Pelakon dan Aras	91

4.5	Analisis Keputusan Sesi Persembahan 20 Minit	102
4.6	Kesimpulan	108
BAB 5	KESIMPULAN	
5.1	Pendahuluan	109
5.2	Cadangan	112
	BIBLIOGRAFI	113
	LAMPIRAN	115

SENARAI RAJAH

SENARAI RAJAH	MUKA SURAT
4.1 Pengaplikasian Teknik <i>The Stanislavski System</i>	55
4.2 Fungsi Kondisi Dalam Pembinaan Watak	58
4.3 Kawalan Mental Dan Emosi Pelakon Watak Doktor	59
4.4 Kawalan Mental Dan Emosi Pelakon Watak Jururawat	60
4.5 Aktiviti Improvisasi Dalam Pembinaan Watak	61
4.6 Elemen <i>Truth, Beliefs and 'The Magic If'</i>	62
4.7 Latihan Pergerakan Dengan <i>Ensemble Acting</i>	64
4.8 Latihan Aras Dengan <i>Ensemble Acting</i>	64
4.9 Kaedah Improvisasi Dalam <i>Ensemble Acting</i>	65
4.10 Rangkak Buaya	68
4.11 Rangkak Ketam	68
4.12 Rangkak Anjing Laut	69
4.13 Rangkak Unta	69
4.14 Rangkak Pintal <i>Torso</i>	71
4.15 Regangan Pintal <i>Torso</i> Bawah	71
4.16 <i>Tree Pose</i>	72
4.17 <i>Warrior Yoga Pose (Virabhadrasana)</i>	72
4.18 <i>Balancing Yoga Pose</i>	73
4.19 <i>Yoga Pedia Pose (Chaturanga Dandasana)</i>	73
4.20 <i>Forward Bend Yoga Pose 1</i>	74
4.21 <i>Forward Bend Yoga Pose 2</i>	74
4.22 Regangan <i>Plank</i>	75
4.23 Regangan <i>Hamstring</i>	75

SENARAI RAJAH

SENARAI RAJAH	MUKA SURAT
4.24 <i>Frog Yoga Pose</i>	76
4.25 Latihan Pelafazan Huruf Vokal	77
4.26 Sebutan Suku Kata	78
4.27 Latihan Pernafasan	79
4.28 Aktiviti Permainan Teater (<i>Theatre Games</i>)	81
4.29 Ruang Fizikal Pentas Prosenium	82
4.30 Ruang Lakon Umum	83
4.31 Kelas 2 Ekspresi (Situasi A)	85
4.32 Kelas 2 Irama (Situasi A)	86
4.33 Kelas 2 Irama (Situasi B)	87
4.34 Kelas 2 Irama (Situasi B)	88
4.35 Kelas 2 Irama Hubungan Pelakon Dan Posisi	89
4.36 Kawasan Kuat di Pentas	91
4.37 Posisi Letak Tubuh <i>Full Front</i>	92
4.38 Posisi Letak Tubuh <i>Turn Left</i>	93
4.39 Posisi Letak Tubuh <i>Turn Right</i>	93
4.40 Posisi Letak Tubuh <i>Turn Left</i> dan <i>Full Front</i>	94
4.41 Posisi Letak Tubuh Profile <i>Left & Right</i>	94
4.42 Hubungan Pelakon dan Aras	95
4.43 Aras Dalam Lakonan	96
4.44 Aktiviti <i>Imagination</i> Dalam Lakonan	97
4.45 Membina Emosi Kemurungan	98
4.46 Membina Emosi <i>Stress</i>	99

SENARAI RAJAH

	SENARAI RAJAH	MUKA SURAT
4.47	Membina Emosi Gembira	100
4.48	Membina Emosi Sedih	101

ABSTRAK

Pendedahan teknik asas lakon ini merupakan kajian kualitatif dengan mengaplikasikan kerangka teori *The Stanislavski System* melalui pendedahan elemen asas lakon seperti aktiviti improvisasi watak dan perwatakan, teknik penguasaan pentas yang meliputi aspek bloking secara menyeluruh. Secara umumnya, kajian ini dijalankan untuk memberikan cabaran kepada pengkaji untuk bertindak lebih kreatif mempraktikkan teori *The Stanislavski System* yang diperkenalkan oleh Konstantin Stanislavski kepada kumpulan pelajar tingkatan 2. Pengkaji menggunakan kaedah tersebut mengikut cara, gaya, dan stail mengikut kesesuaian dan kebolehan pelajar.

ABSTRACT

This qualitative research focuses on the process of conducting lessons for acting skills among Form 2 students in SMK Muhibbah which is also known as Sekolah Seni Malaysia Perak (SSeMPk). The above mentioned are explained clearly which are theoretical framework of the Stanislavski System in chapter 4. The researcher demonstrates the element of basic acting through improvisational activities, blocking and stage directions. The methodology and techniques of The Stanislavski System are done based on the abilities of the aforesaid students.

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini akan memberikan penerangan tentang perihal latar belakang kajian, skop kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, objektif kajian, dan hipotesis. Pengkaji mengambil langkah yang efisien untuk meneroka latar belakang kajian mengenai aspek lakonan yang bersesuaian bagi meningkatkan kemahiran untuk mengendalikan latihan amali di Sekolah Seni Malaysia Perak. Pernyataan masalah kajian merupakan indikator penting untuk dijadikan sebagai fokus agar segala permasalahan dari segi aspek lakonan dapat dibantu secara berperingkat. Pengkaji telah menetapkan tiga persoalan dan objektif bagi mencapai matlamat dan sasaran menerusi kajian ilmiah ini.

Selain itu, pengkaji telah memberikan informasi kompleks tentang skop kajian iaitu merujuk kepada aspek kerangka teori yang diaplikasikan berdasarkan pembelajaran yang telah dipelajari sepanjang tempoh pengajian di Universiti Malaysia Sarawak. Pengkaji juga telah menyatakan limitasi kajian iaitu fokus kepada para pelajar yang mempelajari aliran seni teater di Sekolah Seni Malaysia Perak. Bab ini turut membincangkan dan menyatakan kepentingan kajian dijalankan di samping mempunyai hala tuju untuk berkongsi ilmu tentang pendedahan teknik lakonan yang sesuai kepada para pelajar tersebut. Pada akhir bab ini, pengkaji akan menghuraikan hipotesis yang dijadikan asas untuk membentuk objektif dan persoalan kajian. Ramalan atau hipotesis merupakan piawaian untuk membantu pengkaji memahami kajian dengan lebih terperinci dan holistik.

1.1 Latar Belakang Kajian

Pengkaji telah memilih Sekolah Menengah Kebangsaan Muhibbah atau juga dikenali sebagai Sekolah Seni Malaysia Perak (SSeMPk) sebagai kajian kes yang hanya memfokuskan kumpulan pelajar Tingkatan 2. Menurut artikel Utusan Online yang bertajuk *Sesi Pembelajaran Sekolah Seni Malaysia Perak Berjalan Lancar* (2016) SMK Muhibbah yang terletak di Sungai Siput, Perak telah diumumkan secara rasmi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai institusi seni bagi mewakili zon utara yang keempat berikutan penubuhan Sekolah Seni di negeri Johor, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Latar belakang Sekolah Menengah Kebangsaan Muhibbah ini merupakan sebuah sekolah aliran perdana dan telah diumumkan pada tahun 21 Januari 2001 dengan penempatan seramai 666 orang pelajar, termasuk 46 orang guru. Penubuhan Sekolah Seni Malaysia ini berpegang teguh kepada falsafah untuk meningkatkan mutu pembelajaran pendidikan kesenian, melahirkan insan yang bertanggungjawab dan berkeperibadian mulia dalam mengamalkan budaya bangsa yang luhur dan beridentiti Malaysia.

Sementelahan itu, sekolah ini turut diwajibkan untuk mengikuti jadual waktu khusus yang disusun oleh pihak pengurusan sekolah dan pembelajaran dijalankan mengikut modul dan pentaksiran yang berbeza daripada pelajar-pelajar aliran perdana yang kini masih mengikuti pembelajaran di Tingkatan 4 dan 5. Sekolah Seni Malaysia Perak dijangka akan beroperasi penuh mulai tahun 2020. Pelajar-pelajar aliran seni ini turut diberikan keistimewaan seperti kemudahan fasiliti seperti asrama, dewan makan, studio seni teater dan tari, studio muzik, studio seni visual bagi memudahkan mereka untuk menjalani aktiviti-aktiviti kesenian dan kebudayaan. Tenaga pengajar dalam bidang akademik bagi sekolah ini terdiri dalam kalangan guru-guru sedia ada,

manakala bidang pendidikan kesenian diterajui oleh guru interim mengikut kepakaran bidang masing-masing.

Menerusi buku *Theatre* (1981) yang ditulis oleh Robert Cohen, beliau menerangkan tentang asal usul drama atau lakonan yang sebenarnya berasal daripada amalan ritual. Dalam hal ini, amalan ritual amat berkait rapat dengan seni persembahan yang dicetuskan oleh masyarakat yang hidup pada zaman Yunani. Sorotan lipatan sejarah telah membuktikan bahawa pada sekitar abad ke-5 sebelum Masihi di Yunani, masyarakat zaman kuno menjadikan bidang lakonan sebagai sumber pendapatan yang utama berikutan perkembangan seni pada era tersebut. Sekitar tahun 600 sebelum Masihi, terdapat seorang pelakon dan penulis tragedi pertama bernama Thespis lahir di dunia telah berjaya menambat hati penonton melalui persembahan sayembara di Athens. Persembahan itu dijalankan semasa festival menghormati Dewa Dionysus sebagai dewa anggur yang memiliki sifat kesuburan. Festival dan nyanyian tersebut menyajikan penonton dengan persembahan berkonsepkan cerita dalam bentuk nyanyian dan tarian sehingga digelar sebagai persembahan sayembara drama yang pertama di Athens. Lantaran itu, perkembangan teater di Yunani masih relevan dan memberikan implikasi yang positif merentasi dunia seni pementasan teater marcapada ini.

Latar belakang kajian ini lebih memfokuskan kepada aspek asas lakon seperti memahami watak dan perwatakan sebelum menghasilkan sebuah pementasan teater yang lengkap. Menurut Glenn Alterman (1999), pelakon merupakan individu yang terpenting dilihat secara keseluruhan kerana segala aksi dan tindakan akan memberikan tafsiran yang berbeza. Dalam konteks ini, pelakon mempunyai kaitan dengan pembinaan elemen watak yang dicipta oleh pengkarya dalam sesebuah

naskah lakon. Lazimnya, seseorang pengkarya akan melahirkan idea kreatif penulisannya dengan mewujudkan watak penting seperti rutin dan ragam yang dilalui oleh seseorang manusia, menerangkan tentang objektif watak, ciri-ciri identiti individu, perasaan dan tingkah laku. Oleh hal yang demikian, bagi merealisasikan elemen pembinaan watak tersebut, setiap pelakon mempunyai intuisi yang berbeza apabila mendepani dengan sesuatu keadaan atau senario rentetan peristiwa di sesebuah masa dan tempat. Secara kontradiksinya, watak yang dibawa secara realiti dikenali sebagai pelakon bagi menyampaikan sesuatu perkara melalui pengucapan dialog harian. Hal ini bertepatan dengan pandangan yang diutarakan oleh Owen Mack (1993) mengenai penghayatan ekspresi wajah dapat ditampilkan sekiranya seseorang pelakon berjaya menyesuaikan ciri-ciri watak dan peristiwa yang berlaku misalnya raut wajah akan bertukar menjadi sedih sebaik sahaja menerima perkhabaran berita buruk apabila ahli keluarga terlibat dalam kemalangan. Situasi tersebut lebih menjurus kepada *immediate response* yang dicituskan melalui perasaan dalaman sebagai seorang manusia. Dalam lakonan, perasaan seseorang pelakon mestilah dizahirkan secara realiti dengan membuktikan sifat kebenaran dan kejujuran dalam pembinaan watak. Pembinaan watak yang berkesan dapat diterapkan menerusi aspek fizikal, ekspresi vokal yang dipengaruhi oleh daya kekuatan mental dan emosi.

Berdasarkan tesis *Percaya dan Merasai Kebenaran (PdMK): Strategi Kaedah Lakonan Dalam Monodrama dan Monolog* yang ditulis oleh Ismaliza Binti Ishak dari Universiti Sains Malaysia (2011), menjelaskan definisi dan istilah lakonan dengan lebih terperinci. "*Lakonan merupakan bahagian penting untuk memberikan simbolik kepada sesuatu watak yang dramatik: mewakili watak melalui pengucapan, aksi dan gestura*" (Kellog dan Baynes, 1909). Dalam hal ini, lakonan dapat dilihat sebagai komponen yang mewakili personaliti seseorang individu atau menjelaskan watak

seseorang secara menyeluruh berkaitan sifat zahir dan batin yang meliputi perlakuan positif atau negatif. Komponen ini dapat disaksikan secara literal melalui pergerakan fizikal, pengucapan dialog dan bahasa tubuh di atas pentas. Hal ini selaras dengan pandangan Benedatti (2008) yang mempunyai pendirian teguh tentang konsep lakonan iaitu “lakonan adalah aksi”. Asas kepada teater adalah perlakuan yang dinamik. Perkataan ‘drama’ adalah berbeza menurut Bahasa Greek iaitu ‘aksi yang dipentaskan’ manakala dalam Bahasa Latin memberikan klasifikasi sebagai aksi, pelakon, dan babak. Secara ringkasnya, drama dapat disaksikan secara keseluruhan melalui aksi yang dipentaskan oleh seseorang pelakon yang dijadikan sebagai agen dalam sesuatu aksi”. Beliau menerangkan tentang perkataan drama yang berasal dari perkataan Greek dapat disaksikan menerusi aksi di atas pentas. Pemahaman ini berbeza dengan tafsiran dalam bahasa latin yang menyatakan bahawa pelakon memainkan peranan dominan untuk menggerakkan sesuatu aksi atau tindakan dalam pementasan teater.

Berdasarkan tesis *Penyelidikan Kajian Perwatakan Melalui Ekspresi Gerak: Sebuah Tari Eksperimental “Salleh Salina” Sebagai Kajian Kes* yang ditulis oleh Shaiful Izham Bin Abdul Baseht (2007), ada menyatakan teknik lakonan Stanislavski boleh dijadikan sebagai panduan dan digalakkan untuk menggunakan tekniknya mengikut gaya yang tersendiri ujarnya “*Mencipta cara dan stail yang berbeza tanpa terikat dengan teknik asli yang telah ditegaskan. Segerakan langkah yang boleh membuahkan hasil! Tradisi ‘The System’ harus dikekalkan, saya menyeru*”. Dalam hal ini, penulis telah menyatakan bahawa gerak tari yang dihasilkan dengan menggunakan kaedah ‘*The Method*’ dan ‘*Rasaboxes Exercise*’. Kaedah tersebut diyakini dapat membantu menyampaikan mesej dengan berkesan melalui penzahiran emosi yang betul.

Jurnal *Improvisasi Di Dalam Teater Bangsawan* yang ditulis oleh Abd. Samad Salleh (2003), mengisahkan tentang asal usul lakonan bermula sejak zaman Greek apabila setiap teater genre komedi *Commedia Dell'Arte* dijalankan dalam bentuk improvisasi secara menyeluruh. Rentetan daripada susur galur sejarah tersebut, Malaysia turut juga dipengaruhi dengan lakonan improvisasi khususnya dalam teater tradisional misalnya wayang kulit, Mak Yong, Menora, Jikey, Dikir Barat, dan Dondang Sayang. Kebanyakan penggiat seni umumnya dikenali sebagai penutur yang tinggal di Semenanjung Malaysia iaitu Tok Selampit (Kelantan), Perlis, dan Langkawi menggunakan kaedah improvisasi dalam majlis kenduri dan aktiviti kemasyarakatan. Menurut Kuritz (1982), improvisasi adalah pola dan gerakan aksi yang dicipta melalui analisis imaginatif seseorang pelakon mengikut situasi yang muncul pada tempoh yang tertentu. Pernyataan ini menjelaskan tentang perancangan individu yang mengetengahkan elemen *impromptu* bagi menjelaskan sudut watak, dialog dan aksi tanpa menggunakan naskhah atau skrip yang bercetak. (Ommanney, 1972).

Dalam teater bangsawan, improvisasi digunakan dalam aspek asas lakon seperti fizikal, lisan dan mental. Aspek fizikal menerangkan spesifikasi dari segi pergerakan, gerak isyarat, bisnes pentas, gerak tari, mimo, dan persilatan. Aspek lisan memerlukan pelakon untuk menguasai kemahiran pengucapan dialog, berbalas pantun, bentuk nyanyian, syair, gurindam dan pengucapan solo (*soliloquy*). Aspek mental akan dapat dikuasai dengan penyatuan kedua-dua aspek tersebut dalam penciptaan sesuatu watak. Dalam lakonan teater bangsawan ini, pelakon juga turut bertindak sebagai penulis kerana sepanjang proses latihan mereka hanya diberikan situasi sahaja dan bertindak bebas untuk merangka plot penceritaan tersebut. Pelakon-pelakon bangsawan tidak menerima pendidikan tentang asas lakon secara formal dan bakat diasah melalui proses *rehearsal* bersama pengarah. Pada dasarnya, lakonan

improvisasi ini juga mempunyai batasan kerana pengarah telah memberikan ketetapan terhadap sesuatu aksi yang tidak boleh diperbaharui dan wajar dikekalkan tanpa sebarang kesilapan teknikal di atas pentas.

1.3 Skop Kajian

Dalam kajian ilmiah ini, pelajar dibimbing oleh pengkaji untuk menguasai elemen asas lakon dengan lebih sistematik melalui aktiviti improvisasi watak dan perwatakan dalam lakonan dengan menggunakan rangka cerita, bunyi dan muzik, objek dan unsur lakon. Unsur lakon terbahagi kepada empat perkara antaranya termasuklah, ruang, watak, situasi, gerak dan vokal. Aktiviti improvisasi tersebut memerlukan kumpulan pelajar tingkatan 2 untuk mempelajari asas blocking dan lontaran vokal dalam lakonan yang berkait rapat dengan teknik penguasaan pentas. Dalam hal ini, pelajar perlu diberikan penekanan bagi mengamat, daya sensitiviti, daya imaginasi, daya konsentrasi dan kelancaran merupakan perkara penting untuk menerajui lakonan berbentuk improvisasi.

Perkara ini merupakan elemen penting untuk memastikan pelakon dapat melahirkan watak yang meninggalkan kesan positif kepada penonton. Hal ini selaras dengan pandangan yang diutarakan oleh Paul Kessel (2007) "*Lakonan yang berkesan hanya dapat dizahirkan dengan bergantung kepada teknik penguasaan pentas oleh seseorang pelakon*". Oleh itu, bagi meningkatkan keyakinan diri dan kemahiran dalam asas lakon, pengkaji telah menjalankan aktiviti permainan teater yang dijadikan sebagai penggerak utama sebelum memulakan aktiviti lakonan. Pengkaji telah menggunakan teknik asas lakon *The Stanislavski System* yang berfokus kepada aspek *The Method of Physical Action* (1934-1938) dan *Emotional Memory* (1911-1916).

1.4 Pernyataan Masalah

Pendedahan teknik asas lakon merupakan kajian lapangan konstruktif untuk membantu mendedahkan ilmu pengetahuan kepada kumpulan pelajar tingkatan 2, Sekolah Seni Malaysia Perak. Seseorang individu mempunyai tanggapan bahawa setiap pelajar di seluruh Sekolah Seni Malaysia memiliki bakat dan potensi yang mengagumkan. Kenyataan ini memang tidak dapat dinafikan bahawa penubuhan sekolah seni sejajar dengan prinsip teguh yang menekankan potensi individu secara seimbang dan bersepadu melalui pendidikan kesenian yang terancang dan sistematik.

Secara umumnya, pengambilan pelajar ke Sekolah Seni Malaysia di empat buah negeri seperti Johor, Sarawak, Kuala Lumpur dan Perak terbuka kepada semua calon Ujian Penilaian Sekolah Rendah di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. Pengambilan pelajar hanya dilaksanakan bagi sesi kemasukan ke tingkatan satu sahaja pada setiap tahun. Calon yang menduduki peperiksaan awam (UPSR) yang berminat untuk mempelajari aliran seni dikehendaki mengemukakan permohonan melalui atas talian sistem e-SSeM. Kementerian Pendidikan Malaysia juga memberikan peluang kepada calon-calon tersebut untuk mendaftar secara manual menerusi Sesi Serlahan Seni (SSS). Pada setiap bulan Oktober, Bahagian Kokurikulum & Kesenian akan mengadakan slot tersebut bagi menguji kebolehan dan bakat calon sebelum melanjutkan tindakan susulan pemilihan pelajar. Sesi pemilihan pelajar dijalankan oleh pakar-pakar bidang seni seperti teater, muzik, seni halus, seni tari yang dilantik oleh pihak BKK. Para pelajar perlu menunjukkan potensi dan memperoleh keputusan minima 3B dalam peperiksaan awam, (UPSR) bagi merebut peluang untuk ditempatkan di seluruh Sekolah Seni yang terdapat di Malaysia. Pelajar juga turut diberikan kebebasan untuk memilih satu bidang kesenian yang diminati bagi peringkat pembelajaran menengah rendah.

Setiap bidang memerlukan para pelajar untuk melengkapkan kerja kursus untuk ditaksir pada peperiksaan akhir. Oleh yang demikian, pengkaji melihat bahawa berkemungkinan para pelajar akan menghadapi masalah yang serius untuk menguasai ilmu teori dan amali dalam bidang kesenian teater. Aktiviti lakonan secara amali yang dijalankan oleh jurulatih kesenian teater selama 3 jam bagi setiap minggu tidak mencukupi disebabkan tugas yang wajib dilaksanakan oleh para pelajar untuk menyiapkan kerja-kerja lapangan seni. Tambahan pula, para pelajar tingkatan 2 ini berkemungkinan menghadapi masalah untuk menguasai tahap kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) di usia remaja 14 tahun. Dengan ini, kehadiran pengkaji dapat membantu para pelajar tersebut untuk meningkatkan tahap pemikiran yang seimbang melalui fasa pengaplikasian, menganalisis, menilai dan mencipta melalui teknik asas lakon yang bersesuaian.

Antara limitasi kajian yang terdapat dalam kajian ilmiah ini adalah pengkaji berkemungkinan akan menghadapi masalah untuk menjalankan aktiviti bersama para pelajar kerana faktor masa yang terhad berikutan jadual waktu pembelajaran akademik dan kesenian yang padat di sekolah. Pengkaji sewajarnya memanfaatkan masa yang diperuntukkan oleh pihak sekolah sepanjang dua minggu untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian. Pengkaji juga turut menjangkakan bahawa sesetengah pelajar daripada bidang kesenian yang lain enggan menghulurkan kerjasama sepanjang latihan amali dijalankan. Hal ini demikian kerana, para pelajar akan bertindak lebih pasif sekiranya diarahkan untuk melakonkan watak di khalayak ramai meskipun mereka mempunyai pendedahan latihan yang mencukupi dalam pengkhususan teater namun hanya minoriti sahaja yang mampu mendominasi aktiviti pengukuhan lakonan secara menyeluruh. Pada akhir kajian, pengkaji dapat menyatakan kesukaran yang dihadapi oleh para pelajar menerusi proses-proses latihan

lakonan yang dijalankan. Segala cabaran dan rintangan yang dihadapi oleh pengkaji telah memberikan ruang dan kesan implisit yang positif kerana dapat menguji kebolehan dan keupayaan mengawasi dan membantu kumpulan pelajar tersebut dari segi aspek lakonan.

1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah teknik asas lakon yang akan dijalankan dalam kalangan pelajar Tingkatan 2, Sekolah Seni Malaysia Perak?
2. Apakah elemen asas lakon yang diaplikasikan kepada para pelajar Tingkatan 2, Sekolah Seni Malaysia Perak bagi menguasai kemahiran lakonan dengan lebih berkesan?
3. Bagaimanakah cara pengkaji melaksanakan latihan lakonan bersama para pelajar Tingkatan 2, Sekolah Seni Malaysia Perak?

1.6 Objektif Kajian

1. Mengenalpasti keberkesanan pelaksanaan dan pendedahan teknik asas lakon yang diaplikasikan kepada para pelajar Tingkatan 2, Sekolah Seni Malaysia Perak.
2. Mengkaji elemen asas lakon untuk diaplikasikan di kalangan para pelajar Tingkatan 2, Sekolah Seni Malaysia Perak.
3. Melaksanakan aktiviti-aktiviti lakonan berdasarkan teknik asas lakon *The Stanislavski System* bersama para pelajar Tingkatan 2, Sekolah Seni Malaysia Perak.